






Point of Interest di Gua Musang



Cadangan Roadtrip

- 1 Gua Chiku 2
- 2 Taman Negara Kuala Koh
- 3 Muse Ecopark
- 4 Masjid Buluh
- 5 Masjid Tengku Razaleigh
- 6 Taman Tasik Gua Musang
- 7 Taman Etnobotani
- 8 Masjid Long Tan
- 9 Eco R&R Lojing Highlands
- 10 Konservasi Bunga Rafflesia
- 11 Tokong Mek, Pulau





 18300 Gua Musang, Kelantan Darul Naim.

-  mdgm.kelantan.gov.my
-  www.facebook.com/mdguamusang
-  www.tiktok.com/@mdgm_kelantan
-  www.youtube.com/@mdguamusang4718
-  x.com/mdguamusang
-  www.instagram.com/mdguamusang
-  mdgm@kelantan.gov.my

 09-912 0235
 09-912 1044

SCAN ME!



Gua Musang

GUA CHIKU 2

Felda Chiku 2

- Hiking, Menerokai Gua
- 154km dari Kota Bharu
37km dari Gua Musang

Gua Chiku 2 terletak di tengah perkampungan Felda Chiku 2 Gua Musang dan merupakan gua neon pertama di Kelantan. Pengunjung biasanya terpujau dengan struktur batu yang unik dan mempersonakan.



TAMAN NEGARA KELANTAN

<http://www.wildlife.gov.my>

TAMAN NEGARA

Kuala Koh

- Berkhemah, Memancing, Trekking, Berkayak, Pemerhatian Burung
- 186km dari Kota Bharu
82km dari Gua Musang

Taman Negara Kuala Koh terletak di sempadan Kelantan, Terengganu dan Pahang

Taman Negara ini mempunyai pelbagai kehidupan flora dan fauna serta ekosistem hutan hujan tropika yang menjadi tarikan pelancong dalam dan luar negara.

MUSE ECOPARK

MUSE ECOPARK

Bandar Gua Musang

- Via Ferrata, Hiking, Flying Fox, Makan, Berehat, Mandi-manda
- 187km dari Kota Bharu

Muse Ecopark ialah satu tempat untuk pelbagai aktiviti rekreasi semula jadi, makan dan penginapan

Melalui aktiviti Via Ferrata, di ketinggian 40 meter, anda dapat melihat pemandangan bandar Gua Musang.

Permandangan di Gua Musang

گوا موسغ

TAMAN ETNOBOTANI

Lebuhraya

Kuala Lumpur - Gua Musang

- Beriadah, Melawat Kawasan Herba, Hiking, Berkhemah, Rock Climbing
- 196km dari Kota Bharu
9km dari Gua Musang

Taman Etnobotani ini dikenali dengan mempunyai pelbagai tanaman herba dan juga pusat ternakan rusa dan burung

Pengunjung dapat melihat beberapa habitat spesies burung dan berpeluang untuk mengetahui pelbagai khasiat herba-herba.

TAMAN TASIK

Bandar Gua Musang

- Berkelah, Berekreasi, Jogging, Berehat
- 190km dari Kota Bharu
3km dari Bandar Gua Musang

Taman Tasik Ketitir atau dikenali juga Taman Tasik Gua Musang terletak di dalam Bandar Gua Musang

Dengan berlatar belakang bukit batu kapur, kawasan Tasik Ketitir sering menjadi lokasi jurugambar untuk merakam detik terbit matahari.

MASJID BULUH

Bandar Gua Musang

- Solat, Berehat
- 187km dari Kota Bharu

Masjid Buluh Gua Musang merupakan sebuah masjid yang terletak dalam bandar Gua Musang dan merupakan "pintu masuk" ke bandar.

90% binaan masjid ini diperbuat daripada buluh tempatan dan buluh hitam yang diimport dari Bandung, Indonesia.

MASJID TENGGU RAZALEIGH

Bandar Gua Musang

- Solat, Berehat, Melawat Kawasan Masjid
- 188km dari Kota Bharu

Masjid Mukim Razaleigh merupakan sebuah masjid yang terletak di kawasan pekan di Bandar Lama, Gua Musang

Replika Kaabah yang terletak di tengah masjid merupakan satu tarikan yang mampu menarik pengunjung ke masjid ini.

MASJID LONG TAN

Lojing

- Berehat, Solat, Bergambar
- 282.5km dari Kota Bharu
95.4km dari Gua Musang

Sebuah masjid di Lojing yang terletak tidak begitu jauh dari sempadan negeri Pahang - Kelantan.

ECOR&R @ LOJING

ECO R&R LOJING

Pos Brooke

- Berehat, Makan, Menginap
- 269km dari Kota Bharu
82km dari Gua Musang

Eco R&R Lojing Highlands ini terletak berhampiran dengan Sekolah Kebangsaan Pos Brooke, Lojing, Kelantan

Di R&R ini terdapat surau, kiosk niaga, taman permainan kanak-kanak, tandas dan motel.

TAMAN KONSERVASI BUNGA RAFFLESIA LOJING HIGHLANDS

LOJING HIGHLANDS

- Bergambar, Melawat Kawasan Taman
- 270km dari Kota Bharu
84km dari Gua Musang

Khazanah alam semulajadi di LOJING HIGHLANDS menjadikan Gua Musang sebagai daerah Pelancongan & Peranginan pada masa hadapan seterusnya menjadi daya tarikan kepada pelancong dari dalam dan luar Negara. Para pelancong akan terpesona sambil melihat flora & fauna sepanjang perjalanan menuju ke lokasi Bunga Rafflesia.

TOKONG MEK, PULAI

Pulai

- Bergambar, Melawat Kawasan Tokong
- 198km dari Kota Bharu
15km dari Gua Musang

Tokong Swee Nyet Keung (Tokong Mek) di Kampung Pulai terletak kira-kira dari 15km dari Bandar Gua Musang. Tempat ini merupakan penempatan asal orang Cina yang pertama di Negeri Kelantan kira-kira 500 tahun yang lampau.